

Bahagian A

(50 markah)

1. (a) Maklumat berikut merupakan perbualan antara dua orang rakan mengenai pekerjaan masing-masing.

Azree: Sudah lama saya tidak berjumpa dengan kamu, Asraf. Sekarang kamu bekerja di mana?
Asraf: Gembira dapat berjumpa dengan kamu hari ini. Sekarang saya bekerja di sebuah kilang Membuat sarung tangan. Bagaimana pula dengan kamu Azree?
Azree: Sekarang saya mengajar di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang.

Terangkan sektor perniagaan yang terlibat dalam situasi di atas. [4 markah]

- (b) Gambar 1 menunjukkan dua jenis organisasi perniagaan yang terdapat di Malaysia.



Perniagaan A



Perniagaan B

- (i) Apakah jenis organisasi bagi perniagaan A dan perniagaan B? [2 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan antara organisasi perniagaan A dengan organisasi perniagaan B. [4 markah]

2. (a) Nyatakan peranan kerajaan pusat dari aspek perlindungan pengguna. [4 markah]
- (b) Gambar di bawah menunjukkan sebuah agensi di Malaysia.



- i. Apakah nama agensi tersebut? [1 markah]
- ii. Nyatakan 3 peranan agensi tersebut [3 markah]
- (c) Jelaskan maksud inflasi dan kesannya [2 markah]
- 3.(a) Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu jenis perniagaan.

Syarikat Mewangi Sdn Bhd merupakan pengeluar produk minyak wangi menyasarkan pengeluaran sebanyak 100 000 unit botol minyak wangi pada tahun 2020. Pada tahun 2021, sebanyak 150 000 unit botol minyak wangi berjaya dikeluarkan.

Terangkan ciri-ciri objektif yang telah dicapai oleh Syarikat Mewangi Sdn Bhd [4 markah]

(b) Senaraikan **empat** aspek penting yang digambarkan dalam carta organisasi. [4 markah]

(c) Nyatakan **dua** peranan pengurusan kewangan dalam organisasi perniagaan.

[2 markah]

4 (a) Nyatakan definisi pengurusan sumber manusia. [2 markah]

(b) Berikan **empat** kepentingan pengurusan sumber manusia kepada organisasi perniagaan. [4 markah]

(c) Syarikat Parfum merancang untuk mengeluarkan minyak wangi keluaran baru syarikat itu secara besar-besaran. Puan Haryati, selaku pengurus pemasaran telah diarahkan untuk merancang campuran pemasaran. Apakah campuran pemasaran bagi produk tersebut. [4 markah]

5. (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh Lina dan Lana.

Lina dan Lana ingin memulakan perniagaan 'dropship' secara atas talian. Mereka ingin menjalankan perniagaan menjual tudung dan baju kurung. Lina dan Lana bersetuju untuk berkongsi dalam menyumbangkan modal sebanyak RM10,000 daripada simpanan peribadi masing-masing.

Terangkan dua sumber fizikal yang terlibat dalam perniagaan tersebut. [4 markah]

(b) (i) Berikan definisi kebolehkerjaan. [2 markah]

(ii) Gambar berikut menunjukkan satu iklan jawatan kosong.

JAWATAN KOSONG

MASTIKA SDN BHD

No. 2, Jalan Baiduri
43000 Kajang, Selangor

Kami ingin menawarkan jawatan:

PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)

Kelayakan :

- Lelaki atau perempuan
- Memiliki Diploma dalam bidang pengurusan atau teknologi maklumat
- Mahir komputer dan perisian komputer
- 2 tahun pengalaman
- Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik (berdepan dengan pelanggan)
- Boleh bekerja dalam tekanan

Calon yang berminat sila e-mail resume kepada mastikasb@gmail.com

Kenal pasti **dua** kemahiran kebolehterkerjaan yang perlu ada pada calon yang memohon jawatan tersebut dan jelaskan kebolehterkerjaan tersebut.

[4 markah]

6.

Pn. Maniza telah bekerja sebagai tukang masak di Mc Donald. Setelah 8 tahun bekerja , dia ingin membuka kedai burger sendiri . Dia memilih untuk memulakan kedai “ RoadTrip Burger” berhampiran dengan kawasan institusi pengajian tinggi. Dia menggunakan modal sebanyak RM20 000 untuk memulakan perniagaan tersebut dengan mengupah beberapa orang pekerja tempatan.

- a) Terangkan **tiga** faktor yang dipertimbangkan oleh Pn. Maniza untuk memulakan perniagaannya. [6 Markah]
- b) Bincangkan sumbangan Pn. Maniza kepada masyarakat. [4 Markah]

Bahagian B
(30 markah)

7.(a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.

- Suatu perkongsian strategik antara dua atau lebih individu atau syarikat
- Kedua-dua pihak tersebut bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam jangka masa tertentu

Berikan empat kelebihan bentuk perniagaan tersebut.

[4 markah]

(b) (i) Berikan maksud titik pulang modal (TPM)

[2 markah]


(ii) Berikan formula pengiraan TPM.

[1 markah]

(iii) Jelaskan tujuan penggunaan titik pulang modal (TPM)

[3 markah]

(c) Rajah berikut menunjukkan graf pengeluaran sebuah perniagaan.



Jelaskan yang berikut:

- i. garisan X
- ii. garisan Y
- iii. H_1
- iv. Q_1
- v. Titik S_1

[5 markah]

8. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Berhad.

Syarikat ABC Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan komputer untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah En. Weldan. Syarikat mempunyai beberapa jabatan, iaitu jabatan pengeluaran, jabatan pemasaran dan jabatan sumber manusia. Jabatan pengeluaran diketuai oleh En. Magesh, seorang jurutera yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang meluas dalam bidang kejuruteraan elektrik & elektronik.

Pengurus jabatan pemasaran ialah Puan Vivian dan dibantu oleh dua orang eksekutif pemasaran iaitu Cik Manisah dan En. Rafiz. Jabatan Sumber manusia pula diketuai oleh En. Anthony bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal pengurusan pekerja. Manakala, En. Rashdan bertugas sebagai Penyelia Pengeluaran

- (a) Lakar dan labelkan carta organisasi syarikat ABC. [7 Markah]
- (b) Bincangkan **empat** elemen campuran pemasaran bagi memasarkan komputer [8 Markah]

9. (a) Encik Musa ingin membuka sebuah kedai runcit dan ingin mendaftarkan perniagaan sebagai
'Kedai Runcit Musa'

(i) Di bawah akta manakan Encik Musa mendaftarkan perniagaannya? [1 markah]

(ii) Dimanakah Encik Musa perlu memohon lesen perniagaan ? [1 markah]

(iii) Terangkan prosedur pendaftaran perniagaan kepada Encik Musa. [5 markah]

(b) Encik Samad merancang untuk memulakan perniagaan mencuci kenderaan.

i. Senaraikan **empat** kepentingan menyediakan rancangan perniagaan kepada Encik Samad.

[4 markah]

ii. Siapakah pihak yang memerlukan rancangan perniagaan Encik Samad? [4 markah]

Bahagian C

(20 markah)

NASI KERABU MAMA – ANTARA CABARAN DAN HARAPAN

Perniagaan menjual makanan menjadi satu fenomena yang sedang berkembang dengan pesat ini. Negeri Pulau Pinang turut dilanda dengan fenomena ini, antara perniagaan makanan yang sedang mencipta nama di negeri ini ialah “Perniagaan nasi kerabu Mama”

Perniagaan ini telah beroperasi lebih 15 tahun dahulu dan jenama ini telah bertapak dengan kukuh di negeri ini. Pn Fatimah bt Abd Kadir, pemegang Ijazah Pengurusan Perniagaan merupakan pengasas dan pemilik bagi perniagaan nasi Kerabu Mama. Beliau sangat mementingkan kualiti dan kebersihan hidangan yang disediakan, dengan memastikan hanya menggunakan bahan-bahan yang segar terus dari ladang di samping memastikan kebersihan premis restoran yang sentiasa di pantau rapi. Beliau telah melantik anaknya Aiman Bin Mat sebagai pengurus Perkhidmatan Pelanggan yang sentiasa peka terhadap sebarang pandangan dan komen dari pelanggan.

Pn Fatimah telah membuka lima cawangan Nasi Kerabu Mama di seluruh negeri Pulau Pinang dan bercadang membuka cawangan di seluruh Malaysia, tetapi sentiasa memikirkan apakah bentuk yang sesuai bagi mengekalkan citarasa dan menu yang telah dihasilkan tetap sama dan tidak berlaku sebarang masalah yang boleh menjejaskan jenama Nasi Kerabu Mama, dalam usaha ini beliau telah membuat pendaftaran cap dagangan dan memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) tiga tahun lalu. Dalam usaha memperkembangkan perniagaannya Pn Fatimah telah melantik tiga orang pengurus yang akan bertanggung jawab membantu beliau, iaitu pengurus pemasaran, pengurus sumber manusia dan pengurus kewangan.

Pn Fatimah juga bercadang untuk memperbesarkan lagi perniagaannya tetapi menghadapi masalah dalam pusingan modal yang sering tidak mencukupi terutama untuk membayar secara tunai kepada pembekal-pembekal bahan mentah. Pegawai kewangan telah mencadangkan Pn Fatimah membuat pinjaman dengan intitusi kewangan dan beliau telah bersetuju untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk tujuan tersebut.

Dalam satu mesyuarat bersama pekerja-pekerjanya, pegawai Perkhidmatan Pelanggan, En Aiman telah mengingatkan Pn Fatimah kepentingan perniagaan Nasi Kerabu Mama menjaga hubungan dengan pihak luar dipersekitaran perniagaannya, ini bagi memastikan jenama Nasi Kerabu Mama terus utuh di dalam pasaran.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- (a) Apakah aktiviti perniagaan yang diceburi oleh perniagaan Nasi Kerabu Mama? [1markah]
- (b) Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi Pn Fatimah untuk menambah cawangannya, nyatakan ciri-ciri perniagaan bentuk tersebut [5markah]
- (c) Terangkan maklumat yang ada di dalam bahagian Rancangan pentadbiran [5markah]
- (d) Terangkan tanggung jawab En Aiman Bin Mat Pengurus Perkhidmatan Pelanggan kepada perniagaan Nasi Kerabu Mama [3markah]
- (e) Jelaskan peranan tiga bahagian fungsian yang terdapat dalam perniagaan Nasi Kerabu Mama [6markah]

KERTAS SOALAN TAMAT